

# UPM, Kyutech rancang program kembar, dwiijazah

**FUKUOKA 21 Dis.** - Universiti Putra Malaysia (UPM) merancang untuk melaksanakan program kembar (join degree) dan dwiijazah (double bachelor) buat kali pertama dengan institusi pengajian tinggi dari Jepun, Kyushu Institute of Technology (Kyutech), secara serentak tahun depan.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan berkata, program dwiijazah membolehkan pelajar terbabit memiliki dua ijazah, iaitu satu ijazah daripada UPM dan satu lagi daripada Kyutech manakala program berkembar pula hanya melibatkan satu ijazah yang dikeluarkan secara bersama oleh kedua-dua institusi.

“Program ini merupakan lanju-

tan kepada kerjasama yang utuh antara UPM dan Kyutech yang saling melengkapi melalui kepakaran masing-masing, UPM dalam bidang pertanian manakala Kyutech pula maju dari aspek kejuruteraan, sains dan teknologi angkasa lepas.

“Pada dasarnya kedua-dua pihak telah bersetuju tetapi tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti masing-masing,” katanya dalam sesi dialog bersama pelajar sekolah menengah dari Malaysia dan Jepun di Kyutech di Kitakyushu, dekat sini, hari ini.

Sesi dialog yang turut dihadiri Presiden Kyutech, Prof. Dr. Morio Matsunaga itu diadakan sempena International Symposium on Applied Engineering & Sciences 2014

(SAES) di Kyutech selama dua hari bermula semalam.

“UPM ketika ini ada melaksanakan program ijazah berkembar dengan beberapa universiti dari negara lain seperti United Kingdom dan Australia tetapi jika diluluskan, ia adalah yang pertama dengan universiti dari Jepun,” katanya.

Dari segi tempoh pengajian, program dwiijazah mengambil masa lebih lama berbanding program berkembar.

Sementara itu, Matsunaga memberitahu, sejak 2013, Kyutech dengan kebenaran khas daripada kerajaan Jepun telah menubuhkan satu kampus satelitnya di Kampus UPM Serdang, Selangor. - UTUSAN